

BERITA ONLINE
UTUSAN BORNEO ONLINE
TARIKH: 28 OKTOBER 2022 (JUMAAT)



Pusat Sains diwujudkan di Tawau dan Sandakan

ADVERTISEMENT



© 2022-10-27T14:47:07+08:00



RASMI: Yakub (tengah) bersama tetamu kehormat ketika merasmikan majlis tersebut.

TAWAU: Penubuhan Pusat Sains di Perpustakaan Wilayah Tawau dan Sandakan dilihat mampu memberikan akses Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) kepada penduduk di daerah tersebut.

TAWAU: Penubuhan Pusat Sains di Perpustakaan Wilayah Tawau dan Sandakan dilihat mampu memberikan akses Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) kepada penduduk di daerah tersebut.

Peruntukan PETRONAS sebanyak RM10.2 juta bagi kedua-dua pusat itu akan dilengkapi dengan bahan pameran serta aktiviti studio dan ia dijangka beroperasi pada tahun 2024.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah, Datuk Yakub Khan berkata pihaknya menyambut baik inisiatif PETRONAS mewujudkan pusat tersebut untuk pembangunan modal insan dalam bidang Sains, Teknologi dan Inovasi (STI).

Katanya, kerajaan negeri melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (KSTI) Sabah bergerak aktif dengan kerjasama pelbagai agensi termasuk PETRONAS melaksanakan pelbagai program bagi menarik minat pelajar dalam bidang STEM.

“Kita mengharapkan PETRONAS menubuhkan lebih banyak lagi Pusat Sains di Sabah, memandangkan keadaan geografi negeri ini yang agak luas.

“Mungkin tahun hadapan, PETRONAS boleh mempertimbangkan untuk pembinaan tiga lagi Pusat Sains di Perpustakaan Negeri Sabah, termasuk di Kota Belud,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Pra-Pelancaran Pusat Sains Tawau dan Sandakan, di sini hari ini.

Menurutnya, Pusat Sains ini akan menjadi satu platform bagi pelajar di Pantai Timur Sabah, untuk mengenal dan mendalami ilmu STEM.

“Melalui platform ini, minat terhadap STEM dalam kalangan anak-anak Sabah diharapkan dapat disemai dan seterusnya mendorong mereka untuk memilih kerjaya berkaitan bidang itu.

“Kita perlukan anak-anak Sabah yang dapat menyumbang kembali kepada mereka untuk kemajuan negeri yang tercinta,” katanya.

Yakub berkata, kerajaan negeri mengalu-alukan inisiatif seumpama ini untuk melahirkan modal insan berdaya saing yang mampu membantu menjayakan agenda pelan pembangunan Hala Tuju Sabah Maju Jaya.

“Dengan kepakaran PETROSAINS dalam bidang ini, kerajaan negeri percaya pendidikan STEM berpotensi besar untuk berkembang maju.

“Kerajaan negeri akan terus membantu merapatkan jurang pendidikan melalui bekerjasama dengan pelbagai pihak demi memastikan pelajar celik dan cakna teknologi,” katanya.

Turut hadir, Pembantu Menteri Belia dan Sukan Sabah, Datuk Andi Muhammad Suryady Bandy; Ahli Lembaga Pengarah, Petrolia Nasional Berhad (PETRONAS), Datuk Seri Panglima K. Y. Mustafa; Ketua Pengarah, Perkhidmatan Awam Negeri Sabah, Datuk (Datu) Rosmadi Datu Sulai; Naib Presiden Kanan, Pelaksanaan Projek dan Teknologi PETRONAS, Datuk Haji Bacho Pulong dan Setiausaha Tetap, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah, Datuk Zainudin Aman.